



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (20)

Tarikh : 15 April 2021

## SIARAN MEDIA

---

### **PENURUNAN KUASA MENGGOMPAUN KESALAHAN DI BAWAH AKTA 342 OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

---

**PUTRAJAYA, 15 April 2021** – Berkuatkuasa 14 April 2021, Datuk Bandar, Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pegawai Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan Gred 19 ke atas telah diberi kuasa untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) dan peraturan-peraturan berikut:-

- (a) Peraturan - Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah – Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Kawalan Pergerakan) (No. 4) 2021 [P.U. (A) 96/2021] Akta 342 yang berkuat kuasa pada 5 Mac 2021;
- (b) Peraturan - Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah - Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Kawalan Pergerakan Bersyarat) (No. 4) 2021 [P.U. (A) 97/2021] Akta 342 yang berkuat kuasa pada 5 Mac 2021; dan
- (c) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Kawalan Pergerakan Pemulihan) (No. 3) 2021 [P.U. (A) 98/2021] Akta 342 yang berkuat kuasa pada 5 Mac 2021.

Sehubungan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menggesa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan dalam memastikan semua pengunjung dan peniaga bazar-bazar Ramadan dan Aidilfitri di seluruh negara mematuhi SOP Operasi Bazar Ramadan dan Aidilfitri seperti yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 29 Mac 2021.

PBT memainkan peranan yang penting dalam memastikan pematuhan SOP yang ketat bukan sahaja di kalangan pengunjung, bahkan juga pematuhan peniaga terhadap syarat-syarat perniagaan di bazar Ramadan. Dalam hal ini, semakan terhadap peniaga merangkumi maklumat suntikan *typhoid*, kad pengendali makanan, bayaran permit, SOP dan kebersihan tapak. Penguatkuasaan akan dilaksanakan sepenuhnya di semua bazar Ramadan dan Aidilfitri sepanjang bulan Ramadan termasuk bazar-bazar Ramadan dan Aidilfitri yang bukan di bawah penyeliaan dan kawalan PBT.

Bagi memastikan pelaksanaan dan pematuhan SOP di bazar Ramadan dan Aidilfitri, PBT telah meletakkan anggota penguatkuasa masing-masing iaitu minimum seramai empat orang anggota mengikut saiz dan kapasiti keluasan bazar. Tugasan kawalan di laluan masuk dan keluar serta rondaan ini juga akan turut dibantu oleh anggota RELA dalam memastikan keadaan bazar adalah terkawal, tidak sesak dan semua pengunjung dapat mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

SOP Bazar Ramadan dan Aidilfitri bagi kawasan PKPB dan PKPP yang perlu dipatuhi oleh pengunjung dan peniaga merangkumi perkara berikut:

- i. Kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan **penjarakan fizikal 1 meter**
- ii. **Hand sanitizer** disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum masuk
- iii. **Peniaga dan pengunjung diwajibkan memakai pelitup muka** dengan betul mengikut saranan KKM ketika berada di bazar

- iv. Peniaga diwajibkan **menyediakan kemudahan QR code MySejahtera** dan **menyediakan buku pendaftaran** kehadiran pelanggan sekiranya tiada liputan internet
- v. Pelanggan diwajibkan **mengimbas menggunakan aplikasi MySejahtera** atau menulis secara manual nama dan nombor telefon sekiranya tiada liputan internet
- vi. Peniaga dan pelanggan yang mempunyai **suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius adalah TIDAK DIBENARKAN masuk**

Pemakluman terhadap pelaksanaan SOP di bazar-bazar Ramadan dan Aidilfitri ini turut dihebahkan melalui platform hebahan masing-masing seperti portal rasmi PBT, media sosial, pengedaran risalah dan billboard. Pembesar suara juga digunakan sebagai peringatan kepada pengunjung tentang pematuhan SOP ini. Di samping itu, sesi taklimat turut diberikan kepada para peniaga yang terlibat bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Tindakan tegas akan diambil oleh anggota penguatkuasa terhadap pengunjung dan para peniaga yang didapati ingkar dan melanggar SOP mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan.

Rakyat perlu mengamalkan disiplin diri dalam mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Langkah ini perlu diambil bagi mengekang penularan pandemik Covid-19 dalam kalangan masyarakat. Ia juga bertujuan bagi membantu rakyat dalam membangunkan ekonomi setempat serta memastikan keselamatan dan kesihatan orang ramai adalah sentiasa terjamin.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*